

08 JAN 1997

Mahathir-Hashimoto,

MALAYSIA BERHARAP IMPORT BARANGANNYA KE JEPUN AKAN MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap proses liberalisasi yang sedang berjalan di Jepun dapat meningkatkan import barangan Malaysia ke negara itu, terutama barangan perkilangan.

Beliau berkata syarikat-syarikat Jepun dan firma usaha sama di Malaysia juga perlu digalakkan menggunakan lebih banyak bahan tempatan untuk produk mereka di sini.

Dengan ini diharapkan ia dapat membantu mengimbangi perdagangan antara kedua-dua negara, katanya pada majlis makan malam meraikan Perdana Menteri Jepun Encik Ryutaro Hashimoto, di kediamannya Seri Perdana di sini malam ini.

Beliau berkata pelaburan Jepun terutama industri kecil dan sederhana yang mengeluarkan komponen sofistikated dan berintensifkan modal dan teknologi tinggi amat dialu-alukan terutama jika diusahakan secara usaha sama dengan syarikat-syarikat di Malaysia.

Ini khususnya penyertaan syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) Jepun dalam kawasan Koridor Raya Multimedia di negara ini, tambahnya.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini sedang melalui perubahan yang besar hasil daripada pertumbuhan ekonominya yang pesat dan berharap akan mendapat manfaat daripada kemajuan ekonomi dan teknikal Jepun yang lebih tinggi.

Dalam bidang perdagangan dua hala, jumlahnya meningkat lebih dua kali ganda daripada RM31.6 bilion pada 1990 kepada RM76.5 bilion pada 1995.

Katanya, Jepun kini merupakan rakan dagang terbesar Malaysia dengan jumlahnya kira-kira 20 peratus daripada dangangan dunia dan menambah Jepun juga merupakan pasaran eksport terbesar ketiga Malaysia.

Beliau berkata pelaburan Jepun di Malaysia terus meningkat walaupun imbalan perdagangan lebih menguntungkan negara itu.

Perdana Menteri berkata Jepun juga merupakan pelabur asing terbesar di Malaysia dengan pelaburan modal terkumpul berjumlah RM25.3 bilion bagi tempoh 1980 hingga Oktober 1996.

Menurut Perdana Menteri satu aspek penting dalam kerjasama Malaysia-Jepun ialah dalam bidang pembangunan sumber manusia dan menambah kata sokongan Jepun terhadap Dasar Pandang Ke Timur membolehkan kira-kira 5,000 pelajar dan pelatih Malaysia memperolehi kemahiran praktikal di institusi-institusi di negara itu.

Katanya, pelajar-pelajar ini bukan sahaja menguntungkan Malaysia, tetapi juga syarikat-syarikat Jepun di negara ini yang mendapati mereka merupakan pekerja yang berkebolehan.

Beliau berkata Malaysia bercadang untuk meneruskan Dasar Pandang Ke Timurnya dan berharap Jepun dapat menyediakan lebih banyak lagi tempat di universiti dan institusi negara itu.

Katanya, walaupun negara mengamalkan Dasar Pandang Ke Timur, ia hanya mempunyai kira-kira 2,000 pelajar pada satu-satu masa berbanding dengan lebih 60,000 pelajar di negara-negara Barat dan negara lain sepanjang masa.

Beliau berkata dalam hubungan antara Jepun dan Malaysia, sektor swasta memainkan peranan yang besar dan oleh itu dialog-dialog sering diadakan antara mereka.

Perdana Menteri juga berharap Jepun akan terus menjadi rakan pembangunan Malaysia bagi membantu mencapai cita-cita untuk menjadi negara maju sepenuhnya pada tahun 2020.

Dalam ucapannya, Hashimoto berkata beliau tertarik dengan pembangunan

ekonomi yang mengkagumkan dan kestabilan politik yang mantap yang dinikmati oleh Malaysia.

Beliau juga melahirkan rasa terpegunnya terhadap kepimpinan Dr Mahathir dan usaha-usaha gigih rakyat Malaysia bekerja.

"Menerusi cermin kereta saya, saya melihat di ruang angkasa Kuala Lumpur berdiri megah menara kembar tertinggi di dunia, kerja-kerja pembinaan berjalan di mana-mana sahaja di bandaraya ini dan juga senyuman yang terukir di wajah-wajah rakyatnya yang memakai pakaian kebangsaan berwarna-warni," katanya.

Hashimoto berkata sejak Malaysia melaksanakan "Dasar Pandang Ke Timur" pada 1981, kerjasama antara Tokyo dan Kuala Lumpur bertambah erat terutama dalam bidang ekonomi.

"Selaras dengan peningkatan pertukaran ekonomi, kerjasama dua hala bidang politik dan pertukaran kebudayaan juga telah diperluaskan. Hubungan erat dan mesra antara rakyat kedua-dua negara yang terjalin menerusi Dasar Pandang Ke Timur sebenarnya merupakan aset yang tidak ternilai bagi kedua-dua negara".

Mengenai Asean, Hashimoto berkata adalah penting bagi Jepun untuk meningkatkan hubungan kerjasama dengan pertubuhan itu memandangkan Jepun telah memperluaskan hubungannya daripada bidang ekonomi tradisional kepada bidang-bidang lain.

"Saya amat yakin bahawa keamanan dan kemakmuran di rantau Asia Pasifik pada abad ke-21 serta juga di dunia, dapat dicapai menerusi kerjasama erat antara Jepun dan Asean".

"Dalam mewujudkan perkongsian dengan Asean, Jepun akan mengekalkan hubungan rapatnya dengan Malaysia, tambah-tambah lagi memandangkan Malaysia memegang kerusi presiden Asean tahun ini, apabila Asean menyambut ulangtahunnya yang ke-30," tambahnya.-- BERNAMA

HT RV OBA